



# NEWSLETTER

DOSM/SDG/BPPIB/1.2022/ Series 7

## MATLAMAT PEMBANGUNAN MAMPAAN (SDG) MATLAMAT 9: INDUSTRI, INOVASI DAN INFRASTRUKTUR

Matlamat SDG 9 adalah untuk membina infrastruktur yang berdaya tahan, menggalakkan perindustrian menyeluruh dan mampan serta menggalakkan inovasi. SDG 9 mengandungi **8** sasaran yang diukur melalui **12** indikator. Sebanyak 11 indikator (91.7%) adalah berstatus tersedia.



### INDIKATOR SDG 9


- 9.1.1:** Peratusan penduduk luar bandar yang tinggal dalam jarak 2 km dari jalan yang boleh digunakan sepanjang tahun
- 9.1.2:** Jumlah penumpang dan barang, mengikut jenis pengangkutan
- 9.2.1:** Nilai tambah pembuatan sebagai sebahagian daripada KDNK dan per kapita
- 9.2.2:** Guna tenaga sektor pembuatan sebagai sebahagian daripada jumlah keseluruhan guna tenaga
- 9.3.1:** Peratusan industri berskala kecil dalam nilai ditambah industri keseluruhan
- 9.3.2:** Peratusan industri berskala kecil dengan pinjaman atau kredit
- 9.4.1:** Pelepasan CO<sub>2</sub> per unit nilai ditambah
- 9.5.1:** Perbelanjaan penyelidikan dan pembangunan sebagai sebahagian daripada KDNK
- 9.5.2:** Penyelidik (bersamaan sepenuh masa) bagi setiap sejuta penduduk
- 9.a.1:** Jumlah sokongan antarabangsa rasmi (bantuan pembangunan rasmi berserta aliran rasmi lain) bagi infrastruktur
- 9.b.1:** Peratusan nilai ditambah industri berteknologi sederhana dan tinggi dalam nilai ditambah keseluruhan
- 9.c.1:** Peratusan penduduk yang diliputi oleh rangkaian mudah alih, mengikut teknologi



**Sasaran Indikator 9.3: Meningkatkan akses perindustrian berskala kecil dan perusahaan lain, khususnya di negara membangun, kepada perkhidmatan kewangan, termasuk kredit mampu milik dan penyepadanannya dalam rantaian nilai dan pasaran.**

### INDIKATOR 9.3.1: PERATUSAN INDUSTRI BERSKALA KECIL DALAM NILAI DITAMBAH INDUSTRI KESELURUHAN

Mesyuarat Majlis Pembangunan PKS Kebangsaan (MPPK) ke-14 pada bulan Julai 2013 telah meluluskan definisi baharu PKS yang merangkumi semua sektor iaitu perkhidmatan, pembuatan, pertanian, pembinaan dan perlombongan & pengkuarian. Jumlah jualan tahunan dan bilangan pekerja sepenuh masa adalah dua kriteria yang digunakan bagi menentukan definisi dengan menggunakan asas "ATAU". Definisi terperinci mengikut kategori iaitu mikro, kecil dan sederhana adalah seperti berikut:



Sumber: SME Corp. Malaysia

#### Peratusan Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) dalam Nilai Ditambah Industri Malaysia, 2018-2020

	Unit	2018 <sup>f</sup>	2019 <sup>e</sup>	2020 <sup>p</sup>
Jumlah nilai ditambah pembuatan PMKS (Malar)	(RM juta)	104,763	109,511	106,356
Jumlah nilai ditambah pembuatan keseluruhan (Malar)	(RM juta)	304,843	316,283	307,294
Sumbangan nilai ditambah pembuatan PMKS terhadap KDNK	Peratus	34.4	34.6	34.5
Pertumbuhan nilai ditambah pembuatan PMKS (%)	Peratus	5.5	4.5	-2.9

Nota:

1. <sup>f</sup>Akhir      3. <sup>e</sup>Anggaran  
2. <sup>p</sup>Permulaan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia



## INDIKATOR 9.3.2: PERATUSAN INDUSTRI BERSKALA KECIL DENGAN PINJAMAN ATAU KREDIT

### Peratusan Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) dengan Pinjaman atau Kredit, Malaysia, 2015

Jenis	Bilangan PMKS		Sumbangan (%)
	Jumlah	Pinjaman/ Kredit	
<b>Jumlah</b>	<b>907,065</b>	<b>488,290</b>	<b>53.8</b>
Mikro	693,670	353,645	51.0
Kecil	192,783	118,296	61.4
Sederhana	20,612	16,349	79.3

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia